

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
KARNIVAL USAHAWAN @ SUNGAI BESAR**

**PUSAT LOGISTIK PRK. TALI AIR 8,  
SUNGAI BESAR, SELANGOR**

**3 JUN 2016 (JUMAAT)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Salam Sejahtera

YB Datuk Seri Noh Bin Hj Omar  
Pengerusi  
Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi  
Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan Yaakub  
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah  
Pegawai-Pegawai Kementerian dan Agensi

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Para Usahawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinNya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dapat menganjurkan Karnival Usahawan @ Sungai Besar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan majlis yang diadakan pada pagi ini.

### **KARNIVAL USAHAWAN @ SUNGAI BESAR**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Penganjuran Karnival Usahawan@Sungai Besar adalah bertujuan untuk memperkenalkan, mempromosi dan memasarkan produk-produk keluaran usahawan luar bandar. Usaha ini adalah selaras dengan peranan KKLW dan agensi-agensi di bawah KKLW sebagai sebuah socio-economic engineering agency yang memegang amanah dalam agenda pemerkasaan ekonomi luar bandar.

3. Justeru, pelaksanaan program-program seumpama ini bukan sekadar dapat mengoptimumkan impak dalam memajukan rakyat secara menyeluruh malah ianya selari dengan hasrat dan strategi Kementerian di bawah Program Transformasi Luar Bandar dengan tema "Membandarkan Luar Bandar" untuk memperkasakan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar.

#### **PROGRAM TRANSFORMASI LUAR BANDAR**

Para hadirin yang dihormati,

4. Melalui Program Transformasi Luar Bandar, KKLW menekankan enam fokus utama iaitu prasarana, pembangunan belia, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian.

5. Program Transformasi Luar Bandar ini diterjemahkan melalui pendekatan seperti berikut:

i. Menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar;

ii. Menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan pihak swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan;

iii. Memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap, mindset, peningkatan ilmu dan kemahiran;

iv. Peningkatan kemudahan sosial yang dilaksanakan tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan agama dan kaya dengan budaya serta nilai-nilai murni; dan

v. Menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

6. Bertepatan dengan strategi ini, Kementerian sentiasa menekankan kepada usaha melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar. Ini kerana usahawan merupakan nadi terpenting dalam pengukuhan sosio-ekonomi Bumiputera dalam menyokong kepada pertumbuhan negara makmur dan berdaya saing. Oleh itu, Kementerian menerusi agensi pelaksana yang terlibat kini sedang giat melaksanakan pelbagai strategi dalam membangunkan usahawan-usahawan yang terlibat dalam industri halal.

## **INDUSTRI HALAL**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pasaran halal dunia adalah bernilai USD680 bilion. Kementerian melihat potensi industri halal sebagai salah satu strategi untuk memperkasakan produk usahawan luar bandar untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa. Eksport Malaysia bagi produk halal sehingga kini masih ditahap mikro iaitu RM39 bilion berbanding pasaran halal dunia. Setakat ini, sebanyak 5,834 syarikat halal yang berdaftar di Malaysia dan hanya 40% daripada angka ini merupakan syarikat bumiputera.

8. Oleh yang demikian, Kementerian bersama Halal Development Corporation (HDC) sedang merangka kerjasama strategik bagi meluaskan dan memperbanyakkan lagi perniagaan industri halal. Ini secara langsung akan melonjakkan pasaran produk-produk tempatan luar bandar ke peringkat global.

## **MENINGKATKAN PENDAPATAN MASYARAKAT LUAR BANDAR**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Penganjuran Karnival Usahawan @ Sungai Besar merupakan strategi yang sangat baik untuk menerap atau membudayakan nilai keusahawanan di kalangan usahawan luar bandar berfokuskan kepada golongan muda. *Knowledge transfer* melalui kursus keusahawanan, klinik keusahawanan dan pendedahan kepada kemudahan-kemudahan bantuan keusahawanan adalah usaha yang praktikal untuk membantu melahirkan usahawan dan memantapkan perniagaan.

10. Dalam perniagaan abad ini usahawan perlu mengaplikasikan teknologi dalam perniagaan mereka, bukan sahaja dari segi pengeluaran produk tetapi juga perlu digunakan untuk memasarkan produk mereka. Sehubungan itu, usahawan dan bakal usahawan perlu didedahkan dengan ilmu dan kemahiran teknologi yang relevan. Pihak KKLW dan agensi dibawahnya bersedia untuk melatih dan menawarkan kursus-kursus berkaitan bagi memastikan usahawan berkeupayaan memasarkan produk mereka dengan lebih efisien.

## **PROGRAM-PROGRAM KEUSAHAWANAN DI BAWAH KKLW DAN AGENSI DI BAWAHNYA.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Elemen pembangunan keusahawanan dalam kalangan belia luar bandar terutamanya perlu dirancakkan kerana daripada 8 juta penduduk luar bandar tersebut, 3.57 juta adalah terdiri daripada belia.

12. RMK 11 memfokuskan kepada Keusahawanan sebagai sumber penjanaan pendapatan yang lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan. Bagi menjayakan inisiatif tersebut, pelbagai program telah dirangka oleh Kementerian bersama agensi-agensinya, termasuklah penganjuran program seperti Rural Business Challenge, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, BIZChannel@mara, Skim Pinjaman Food Truck, Program Usahawan Teknikal (PUTEK) dan sebagainya.

13. Satu lagi aspek penting yang dititikberatkan oleh kerajaan adalah akses dana/pembiayaan yang berterusan mengikut keperluan dan juga keupayaan perniagaan. Pada karnival ini, beberapa agensi dijemput untuk menyediakan khidmat perundingan kemudahan untuk dimanfaatkan oleh bakal usahawan ataupun usahawan setempat.

14. Saya berharap usahawan dan bakal usahawan tempatan dapat merebut peluang dan menggunakan kesempatan ini untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dana ataupun kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensinya yang terlibat. Saya yakin skim pembiayaan yang diwujudkan pada hari ini menjadi satu batu loncatan untuk usahawan semua membina keupayaan perniagaan dan maju pada masa hadapan.

15. Untuk makluman para hadirin, KKLW kini bukan sahaja memberi fokus kepada bidang tradisional seperti pertanian, malah memperluaskan fokus kepada industri pembinaan & hardware, perkhidmatan, fesyen & gaya hidup, kesihatan & kecantikan serta alat ganti. Bidang bidang ini telah dikenalpasti mempunyai potensi dan permintaan yang tinggi dan menjana pulangan yang berpatutan.

## **KARNIVAL USAHAWAN @ SUNGAI BESAR**

16. Saya difahamkan bahawa seramai lebih dari 500 usahawan di Parlimen Sungai Besar telah dibangunkan dan menerima bantuan dan kemudahan dari agensi-agensi di bawah KKLW. Dengan usaha berterusan daripada pihak KKLW dan agensi-agensinya akan melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam bidang-bidang seperti dinyatakan tadi. Usahawan-usahawan tersebut akan menjadi usahawan yang lebih kompetitif dan bakal menjadi peneraju pada masa akan datang.

17. Saya juga difahamkan bahawa GIATMARA mengadakan pendaftaran terbuka pada hari ini sempena Karnival Keusahawan@Sungai Besar. Oleh itu, saya menyeru supaya golongan muda merebut peluang yang ditawarkan ini dengan menjalani latihan kemahiran di GIATMARA. Latihan yang ditawarkan ini bukan sahaja memberi fokus kepada latihan kemahiran, malah ianya juga merangkumi latihan yang menjurus kepada pembentukan keusahawanan.

## **PENUTUP**

18. Dikesempatan ini, saya berharap para usahawan dan pengunjung mengambil kesempatan dan peluang untuk mengunjungi booth-booth yang telah disediakan. Harapan KKLW adalah agar platform Karnival Usahawan @ Sungai Besar ini digunakan sebaik mungkin bagi mewujudkan hubungan kerjasama strategik di antara usahawan, pemborong, pemasar, institusi kewangan dan pembiayaan serta agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan usahawan.

19. Insyallah, Kementerian ini akan meneruskan komitmen bagi membangunkan masyarakat luar bandar selaras dengan Pelan Transformasi Kementerian dengan hasrat untuk menjadikan kehidupan di luar bandar bertambah maju, berkualiti serta berdaya saing.

20. Akhir kata, saya berharap agar program ini akan berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif seperti yang disasarkan. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih di atas sokongan semua pihak terutamanya kepada Jawatankuasa Karnival Usahawan@Sungai Besar dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

21. Besar harapan saya dengan usaha yang kita laksanakan ini dapat memastikan usahawan Luar Bandar dapat mengatur langkah yang strategik dalam merentasi cabaran ekonomi akan datang. Diharap melalui program ini, jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

Sekian, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Karnival Usahawan@SG.Besar.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera dan

Sekian, terima kasih.